



MAHKAMAH TINGGI MALAYA,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR  
HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: K.L. 2939011  
Teleks: HAKIM MA 33548  
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (6)d/m.JK/MP/16/1

Tarikh: 4 September 2000

Semua Hakim  
Mahkamah Sesyen Semenanjung

Semua Majistret  
Mahkamah Majistret Semenanjung

Tuan/Puan

**PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2000**  
**Pengendalian Sebutan Kes-Kes Saman**  
**di Mahkamah Rendah**

-----

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Y.A.A. Ketua Hakim Negara telah mengambil maklum bahawa majoriti kes-kes tertangguh di Mahkamah Rendah adalah terdiri dari kes-kes saman yang mana saman atau waran tangkap (ketidakhadiran OKS) yang tidak dapat dilaksanakan atau diserahkan beberapa kali setiap kali tarikh sebutan ditetapkan.

3. Sehubungan dengan itu Y.A.A. Ketua Hakim Negara mengarahkan supaya amalan-amalan berikut dilaksanakan bagi memantau keadaan di atas:

- I. Hakim atau Majistret hendaklah memastikan supaya semua kes-kes saman yang baru hendaklah difailkan sekurang-kurangnya 2 (dua) hari sebelum tarikh sebutan pertama. Jika melibatkan jumlah yang banyak, maka pendaftaran kes-kes tersebut hendaklah dibuat beberapa hari sebelum tarikh sebutan mengikut yang bersesuaian.
- II. Hakim atau Majistret hendaklah memastikan bahawa hanya hari-hari tertentu dan tidak setiap hari ditetapkan untuk tujuan sebutan kes-kes saman (kecuali mahkamah yang khusus mengendalikan kes-kes saman).

III. Bagi kes-kes saman yang tidak dapat dilupuskan pada hari sebutan pertama atas alasan saman tidak dapat diserahkan atau OKS tidak hadir, maka tarikh sebutan seterusnya hendaklah diberikan dalam jangka masa **satu bulan** untuk disebut kali kedua. Sekiranya pada sebutan kali kedua saman tidak juga diserahkan atau waran tangkap masih tidak dilaksanakan maka Hakim atau Majistret hendaklah menetapkan tarikh sebutan **terakhir** dalam jangka masa **satu bulan**. Sekiranya pada sebutan kali **terakhir**, saman atau waran tangkap masih tidak diserahkan atau dilaksanakan maka Hakim atau Majistret hendaklah membatalkan saman atau waran tangkap tersebut dan memerintahkan OKS dilepas tanpa dibebaskan.

4. Untuk tujuan penyelarasan berkaitan dengan pendaftaran kes-kes saman yang baru terutamanya kes-kes trafik Hakim atau Majistret hendaklah dari masa ke semasa berbincang dengan ketua bahagian pihak berkuasa yang berkenaan bagi menyelaraskan pendaftaran kes-kes yang melibatkan jumlah yang banyak untuk memberi masa yang sewajarnya kepada mahkamah untuk mengendalikn proses pendaftaran kes-kes tersebut.

5. Arahan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah



( MAT ZARA AI BIN ALIAS )

Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya

Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Tinggi Sesyen & Majistret  
Jalan Gersik  
Petra jaya  
93050 Kuching

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Ketua Bahagian Pendakwaan  
Jabatan Peguam Negara  
Tingkat 5, 11-20 Bangunan Bank Rakyat  
Jalan Tangsi  
50512 Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Mahkamah Tinggi Sesyen & Majistret  
Jalan Gersik  
Petra Jaya  
93050 Kuching



Perpustakaan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Pengerusi  
Majlis Peguam Malaysia  
No. 5 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur

MZA/fz  
kesaman